

Promosi perkenal Serambi Teruntum Tanjung Lumpur

Tourism Pahang dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) diminta melaksanakan promosi besar-besaran untuk memperkenalkan Serambi Teruntum Tanjung Lumpur, di sini, sebagai destinasi pelancongan baru daerah itu.

Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Pahang, Datuk Seri Shahiruddin Ab Moin berkata, promosi itu bukan saja untuk warga Kuantan, malah pelancong tempatan dan luar negara kerana ia dilihat mempunyai daya tarikan.

Katanya, ini kerana Serambi Teruntum bakal me-

nampilkan produk tempatan Pahang seperti sambal hitam, patin tempoyak dan tenun Pahang.

“Sebenarnya, promosi lebih agresif mampu menjadikan Serambi Teruntum sebagai lokasi tarikan pelancong di negeri ini dan kita akan berusaha menjadikannya lokasi wajib dilawati pelancong, khususnya pelancong luar negara apabila berada di Kuantan.

“Pada masa sama, peniaga diingatkan supaya menyediakan perkhidmatan terbaik, produk berkualiti dan imej yang terbaik supaya dapat menarik kedatangan pengunjung,” katanya.

Harian Metro

28-09-2017